

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 18 Mei 2016 16:16
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SILAT SENI GAYONG SERANTAU MALAYSIA GABUNG TIGA UNTUK SEKOLAH
DISCOVER UUM



18 MEI 2016 / 11 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

**SILAT SENI GAYONG SERANTAU MALAYSIA GABUNG TIGA SEKOLAH UNTUK
DISCOVER UUM**



ANJUNG TAMU ONLINE: “Kata Bersahut, Gayong Bersambut” merupakan moto Persatuan Silat Seni Gayong Serantau Malaysia yang berhasil mengabungkan pelajar dari tiga buah sekolah sebagai satu pasukan untuk Discover UUM.

Tiga sekolah Negeri Kedah yang dimaksudkan terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jitra (SMKJ), SBP Integrasi Kubang Pasu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Kemuning (SMKKP) yang menonjolkan bakat pelajar dalam seni silat sebagai ilmu bela diri atau perisai diri.

Setibanya mereka di Welcome Centre, aksi seni silat dipersembahkan sebagai salam perkenalan kepada universiti pengurusan terkemuka. Turut hadir, pelajar dari Persatuan Silat Seni Gayong Serantau Malaysia UUM di bawah bimbingan penasihatnya, Mohd. Fairus Abdul Majid dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Menurut guru pengiring SMKJ, Norehan Ramli, “lawatan yang penuh informasi ke UUM dapat menggilap bakat pelajar sebagai motivasi ke menara gading”

Sementara itu, guru penasihat Persatuan Silat Seni Gayong Serantau, Husni Syakirah bt Ab. Rahman yang fokus dengan penerangan di Welcome Centre berkata , “sambutan dan layanan terbaik”, “maklumat terbaik”.

Umum mengetahui Silat Seni Gayong mempunyai kronologi penubuhan yang tiada tolak bandingnya dan pelajar dididik untuk memiliki ketahanan mental dan fizikal yang kuat. Di samping bakat tersebut mereka juga diberi pendedahan melalui lawatan sambil belajar.

Kata Kaunselor SMKPK, Siti Rugayah Ismail di akhir lawatan,

“Pokok Sintok, kenali semuanya tentang sintok di sini”

“Keseluruhannya hebat”

“Tahniah!

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

